

Kabinet

luluskan

MAY 1986
pembelian

saham

UMBC: PM

KUALA LUMPUR, Khamis — Perdana Menteri malam ini menegaskan urusan taga membabitkan pembelian saham United Malayan Banking Corporation (UMBC) diluluskan oleh Kabinet, dan bukan oleh Menteri Kewangan, Encik Daim Zainuddin.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, laporan akhbar *Asian Wall Street Journal* sebenarnya berniat memburukkan kerajaan dan negara ini.

Bercakap kepada pemberita selepas melawat astaka musabqah membaca al-Quran peringkat antarabangsa di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, beliau berkata:

"Laporan itu tidak benar dan dusta. Adalah menjadi kebiasaan akhbar itu untuk tidak menyiarkan fakta-fakta benar dalam apa jua rencananya.

"Saya sudah membaca rencana itu dan ia semata-mata berniat memburukkan kerajaan dan negara ini."

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, tuduhan itu tidak sahaja ditujukan kepada negara ini dan Encik Daim, malah dirinya kerana beliau turut menganggotai Kabinet.

Asian Wall Street Journal, dalam rencananya menyiarkan pembabitan Encik Daim, dalam apa yang disebut oleh akhbar itu sebagai 'urusan gelap', mengenai pembelian saham UMBC.

Mengenal hasrat Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan anggota kabinet negeri itu ditambah daripada sembilan kepada 12 orang, Perdana Menteri berkata, sehingga ini pihaknya belum menerima cadangan rasmi oleh Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan.

Menurutnya, pindaan kepada Perkara Sembilan Perlembagaan Persekutuan akan dibentangkan di Parlimen jika ada cadangan rasmi daripada Kerajaan Sabah.

Sebelum itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau berpuas hati dengan persiapan musabqah membaca al-Quran peringkat antarabangsa.

Katanya, musabqah kali ini diadakan di PWTC kerana keadaannya lebih sempurna dan selesa, di samping perbelanjaannya murah.

Menurutnya, perbelanjaan membina astaka di PWTC ialah \$45,000 berbanding \$120,000 jika dibuat di Stadium Merdeka.